

24/03/2004

Hanya Kit Siang, Karpal menyerlah bukan DAP

Wan Hazmir Bakar

SEHARI selepas tewas mengejut di kerusi Parlimen Bukit Bendera pada pilihan raya 1999, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, pulang ke ibu pejabat parti itu di Petaling Jaya dalam suasana murung.

Walaupun kira-kira 200 pemimpin serta penyokong kuat DAP cuba menceritakan keadaan dengan laungan semangat, ternyata kekalahan yang dialami DAP pada Pilihan Raya Umum Ke-10 itu adalah sesuatu yang perit bagi parti pembangkang itu.

DAP bukan saja gagal bangkit daripada kekecewaan pada pilihan raya kesembilan, ia kehilangan pula status sebagai parti pembangkang terkuat di Dewan Rakyat, sekali gus jawatan Ketua Pembangkang yang sudah lama dipegang Kit Siang. Malah orang kanan Kit Siang, Karpal Singh, juga tewas mengejut di kubu kuatnya, Jelutong, sekali gus menamatkan impian mereka menawan Pulau Pinang.

Kit Siang dalam ucapan yang sayu pada malam itu cuba menenangkan penyokongnya dengan berkata perjuangan beliau tidak berakhir dengan kekalahan itu dan berazam akan kembali memenangi kerusi Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Walaupun DAP pada pilihan raya 1999 mengadakan pakatan dengan Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dengan impian untuk menewaskan Barisan Nasional (BN), Kit Siang mempersalahkan Pas yang memainkan isu negara Islam sebagai punca kekalahan DAP.

Biarpun undi Melayu sudah pecah dan buat kali pertamanya ada yang sanggup memangkah DAP, ramai pengundi Cina beralih kepada BN apabila MCA berkempen bahawa DAP menyokong dasar Pas itu. Akibatnya, walaupun sokongan kepada pembangkang meningkat dengan Pas menang besar dan Keadilan bertapak kukuh, pengaruh DAP terus terhakis.

Bagaimanapun, bagi Kit Siang kebangkitan semula Pas dengan dasar negara Islamnya itu bukan sesuatu yang membimbangkan kerana beliau tahu kejayaan Pas tahun itu adalah kerana kekuatan Umno terhakis akibat isu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Apa yang dibimbangkan Kit Siang ialah tindak balas Umno untuk mendapatkan semula sokongan orang Melayu.

Kit Siang takut Umno akan `cuba menjadi lebih Islam daripada Pas', sekali gus menjadikan Malaysia lebih Islam daripada sebelumnya. Kit Siang mahu DAP dilihat, khususnya oleh pengundi Cina, sebagai benteng kepada gelombang Islamisasi itu, supaya parti itu kembali mendapat sokongan masyarakat Tionghua yang masih curiga dengan erti sebenar dasar dan negara Islam.

Berikutan itu, DAP mengisytihar keluar daripada pakatan pembangkang pada November 2001 apabila Pas terus memainkan isu negara Islam dan hudud. Parti yang lahir daripada Parti Bertindak Rakyat (PAP) berikutan pemisahan Singapura daripada Malaysia itu kembali mencanangkan ideologi sekular serta slogan Malaysian Malaysia.

Jika Pas dan Keadilan mengimpikan untuk bersama-sama menubuhkan kerajaan Pusat selepas hari pengundian Ahad lalu, DAP lebih berpijak di bumi nyata walaupun lambang roket terus mendongak ke langit.

Walaupun sering bersandiwara dalam isu tertentu, DAP kali ini mengakui bahawa BN akan sekali lagi menempa kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-11 ini. Bagi DAP yang sebelum pilihan raya 1999 adalah parti pembangkang terkuat di Dewan Rakyat, pilihan raya kali ini adalah sesuatu yang paling mencabar dalam sejarahnya.

Setiausaha Agungnya, Kerk Kim Hock, ketika mengumumkan senarai calon

parti itu dua minggu lalu, mengakui bahawa DAP menghadapi `cabaran amat hebat' pada pilihan raya umum kali ini. Bagi Kerk pilihan raya ini adalah yang `paling mencabar dalam sejarah DAP.' Kebimbangan Kerk menjadi kenyataan apabila ia tewas di Parlimen Kota Melaka yang menjadi kubu kuat parti itu.

Pengakuan Kerk itu diperteguhkan lagi oleh Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw, yang menyifatkan pilihan raya umum kali ini tidak banyak berbeza daripada pilihan raya 1982 ketika Dr Mahathir pertama kali menerajui BN sebagai Perdana Menteri baru.

Dr Tan berkata, DAP menghadapi masalah menentang kerajaan yang diterajui pemimpin baru kerana mereka biasanya bersemangat dan memperkenalkan dasar baru yang disukai rakyat.

"Ketika itu (Tun) Dr Mahathir Mohamad berkempen dengan slogan Bersih, Cekap, Amanah dan mendapat sokongan besar. Kali ini (Datuk Seri) Abdullah Ahmad Badawi pula memainkan isu memerangi rasuah dan rakyat pula tidak mempunyai cukup masa untuk menilai kegagalan beliau," katanya.

Bukan saja terpaksa membaiki imejnya yang terpalit teruk kerana tidur sebantol dengan Pas pada pilihan raya umum lalu, DAP juga terpaksa berhati-hati dalam mencongak strategi dengan Keadilan yang sebenarnya mendapat kekuatan daripada sokongan orang Melayu yang kecewa.

Justeru, ketika ia lantang melaung-laungkan slogan demokrasi sekular dan menolak sama sekali penubuhan negara Islam, sama ada oleh Umno atau Pas, DAP cuba mengambil hati pengundi Melayu dengan meletakkan calon Melayu di tiga kawasan Parlimen dengan majoriti pengundi Cina, iaitu Bukit Bendera, Bentong dan Bakri - dalam misi menempah kekalahan.

Bagaimanapun, DAP sedar percaturan itu tidak mungkin menjadi dan orang Melayu tentunya tidak akan menyokong mereka. Maka tidak hairanlah DAP kali ini sekadar mengharapkan simpati pengundi supaya pembangkang mempunyai wakil yang kuat di Parlimen, atau dalam erti kata lain Ahli Parlimen daripada DAP yang `berani membangkitkan isu rakyat tanpa rasa takut atau memilih.'

Justeru, DAP sekali lagi memainkan kad Kit Siang dan sentimen kaum Cina bagi meraih simpati pengundi untuk cuba menobatkan Pengerusinya itu sebagai Yang Berhormat bagi menghangatkan persidangan Dewan Rakyat - formula lapuk yang terbukti berkesan walaupun penduduk di kawasan yang diwakilinya yang akan menanggung kerugian.

DAP tahu walaupun ia tidak mungkin mendapat cukup sokongan untuk menawan Pulau Pinang, jauh sekali menubuhkan Kerajaan Pusat, kemenangan Kit Siang di Ipoh Timor, satu daripada kerusi di Lembah Kinta yang menjadi sasaran DAP, sudah cukup untuk menyuntik semangat baru kepada parti itu, sekali gus mencatatkan kemenangan besar BN.

Malam kelmarin, azam Kit Siang yang dinyatakan pada malam murung selepas pilihan raya umum 1999 itu berjaya diterjemah kepada kejayaan memenangi kerusi Parlimen Ipoh Timur pada pilihan raya umum kali ini.

Kemenangan itu juga memberi laluan kepada Kit Siang untuk menjadi ketua pembangkang di Dewan Rakyat sekali lagi berikutan kekalahan teruk Pas, termasuk Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang menyifatkan Kit Siang dan Karpal sebagai `tokoh yang luput masa seperti ubat yang tamat tempoh.'

Kemenangan Kit Siang diiringi kejayaan Karpal Singh di Bukit Gelugor dan Timbalan Setiausaha Agungnya, M Kulasegaran, di Ipoh Barat, menandakan kebangkitan semula tokoh DAP yang tewas pada pilihan raya umum lalu.

DAP juga kekal di empat kubu kuat di Kuala Lumpur iaitu Cheras, Seputeh, Kepong dan Bukit Bintang; Batu Gajah di Perak; Bandar Kuching di Sarawak serta Tanjung, Bukit Mertajam dan Bagan di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, kekalahan Kerk di Kota Melaka yang pernah menjadi kerusi selamat Kit Siang serta pemimpin DAP lain sejak 1969, membuktikan

sebaliknya. DAP juga kehilangan kerusi Parlimen Nibong Tebal apabila penyandanginya, Goh Kheng Huat, bertindak keluar parti dan bertanding atas tiket Keadilan tetapi kalah kepada calon BN, Datuk Zainal Abidin Osman.

Cuma pengundi Lembah Kinta yang kelihatan menyokong kempen DAP 'mengembalikan Kit Siang ke Parlimen' selepas beliau dan Karpal berjaya diketepikan golongan yang tidak puas hati dalam parti itu sendiri menerusi kempen 'Knock Out Kit Siang/Karpal Singh (KOKS).'

Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada sidang akhbar selepas sambutan kemenangan BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) awal pagi kelmarin, kemenangan DAP itu tidak menunjukkan pengundi Cina sudah berubah angin kerana calon Umno turut menang di kawasan yang ramai kaum itu.

Hakikatnya, DAP tidak cemerlang pada pilihan raya kali ini, jauh sekali gemilang. Bilangan kerusi yang dimenangnya kali ini hanya lebih dua berbanding pada pilihan raya umum lalu. Malah, DAP kehilangan Kota Melaka dan Nibong Tebal walaupun berjaya merampas Ipoh Timur, Ipoh Barat dan menang kerusi baru, Bukit Gelugor. DAP juga gagal memenangkan calon pelapis dan terpaksa bergantung kepada muka lama.

Hanya Kit Siang dan Karpal yang menyerlah dan membuktikan bahawa mereka bukan 'ubat yang tamat tempoh'. Itu pun menurut penganalisis politik, kedua-dua orang lama DAP itu menang kerana pengundi 'rindukan' suara Kit Siang dan Karpal di Dewan Rakyat selepas sepenggal menghilang.